

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 JULY 2017

Bangunan kekal KSCIP di Putrajaya

BH - 10/7/2017 pg. 2

➔ Kerajaan sedia tanah seluas 16 hektar untuk pembinaan

Oleh Abdul Razak Raaff dan Shahrinnah Latib
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Kerajaan akan menyediakan tanah seluas 16 hektar untuk pembinaan bangunan kekal Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP) di Putrajaya, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, Putera Mahkota Arab Saudi, Mohammed Salman juga sudah menyatakan persetujuan untuk melawat Malaysia bagi merasmikan tapak bangunan kekal itu.

Beliau berkata, perkara itu diputuskan dalam perbincangannya bersama penasihat utama Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud dan pembantu Putera

Mahkota Arab Saudi, yang mengunjunginya di Putrajaya, malam kelmarin.

"Pembinaan KSCIP di Putrajaya ini adalah pengiktirafan kerajaan Arab Saudi dan kepercayaan Raja Salman kepada Malaysia. Malah, Putera Mahkota Arab Saudi yang baharu dilantik (Mohammed) sendiri akan datang ke Malaysia bagi merasmikan tapak bangunan pusat itu bersama-sama saya.

Raja Salman pilih Malaysia

"Ini antara kejayaan negara.... ini kerana Raja Salman boleh memilih negara lain untuk membina pusat itu tetapi baginda yang juga penjaga kepada dua kota suci Makkah dan Madinah tetap memilih Malaysia," katanya.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata demikian ketika berucap pada majlis Rumah Ter-

buka Aidilfitri Parlimen Pekan di Taman Tasik Sultan Abu Bakar di sini, semalam.

Yang turut berangkat, Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pekan, Datuk Abu Bakar Harun.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, rakyat tidak perlu gusar dan termakan dakyah pembangkang yang mendakwa Malaysia adalah sebuah negara yang gagal dan perlu diselamatkan.

"Banyak perkara yang kerajaan lakukan sebenarnya mendapat pengiktirafan negara lain, termasuk kerajaan Arab Saudi... jadinya tidak benar kalau pembangkang kata ne-

gara ini sebuah negara gagal kerana kita selamat dan berjaya serta dapat pengiktirafan dari negara luar.

"Malah, orang yang kata negara perlu diselamatkan... yang dulunya pemimpin kita pun tidak pernah mendapat sanjungan sebegini dari negara berkenaan. Jadi tidak perlu nak selamatkan Malaysia," katanya.

Kira-kira 70,000 rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat menghadiri rumah terbuka itu bermula jam 10 pagi hingga 3 petang yang turut dimeriahkan dengan persembahan artis seperti Nabil, kumpulan Caliph Busker, Ara AF, Sulaiman Yassin atau Mat Over.

Seramai 150 pengusaha catering menyediakan lebih 200 jenis makanan tradisi termasuk nasi briyani, nasi tomato, kambing panggang, ketupat, rendang, opor, puding raja dan laksa Pahang.